

Di manakah boleh saya mendapat maklumat tambahan?

Jika anda ingin mendapatkan maklumat tambahan mengenai perancangan penjagaan lanjut dan membuat keputusan untuk akhir hayat, berbincanglah dengan doktor atau profesional kesihatan anda. Mereka boleh membantu anda.

Yusuf berumur 40 tahun apabila didiagnosis dengan tumor otak yang tidak boleh dibedah. Beliau dan isterinya Tasha membuat keputusan bahawa mereka inginkan Yusuf dijaga, dan meninggal dunia di rumah. Mereka berbincang dengan doktor mereka dan diterangkan bahawa apa yang mungkin berlaku pada peringkat akhir penyakit ini dan bahawa penjagaan sepenuh masa akan diperlukan. Doktor tersebut membantu mereka membuat rancangan penjagaan lanjut. Pada minggu terakhir Yusuf, beliau sentiasa keliru dan tidak dapat membuat keputusan. Rancangan penjagaan lanjut ini memudahkan mereka yang menjaganya untuk menepati kehendaknya. Tasha mendapatkan bantuan ahli keluarga untuk menjaga Yusuf dan dengan lawatan tetap daripada pasukan penjagaan paliatif setempat serta sokongan daripada perkhidmatan penjagaan masyarakat, Yusuf meninggal dunia di rumah sendiri.

Untuk maklumat lanjut mengenai hubungan utama, sila rujuk kepada:

Laman Sesawang : palliativecare.my
Email : info@hospismalaysia.org
Tel : 603-9133 3936
(Talian Umum Hospis Malaysia)

Penghargaan:

Dokumen ini telah disediakan oleh Hospis Malaysia dengan maklumat yang diambil daripada "Advance Care Planning: Decision making for the end of life" panduan yang disediakan oleh Paliatif Penjagaan Australia, dengan kebenaran ikhlas.

Pendapat yang dinyatakan di dalam dokumen ini tidak semestinya melalui warga Hospis Malaysia mahupun Paliatif Penjagaan Australia.



Rancangan Penjagaan Lanjut: Membuat keputusan untuk akhir hayat

Berbincanglah dengan keluarga anda dan buat rancangan penjagaan lanjut agar apa yang diinginkan pada akhir hayat boleh diketahui. Dapatkan maklumat lanjut di: palliativecare.my

Disediakan oleh:



Percetakan ini ditaja oleh:



YAYASAN

Apakah rancangan penjagaan lanjut?

Bayangkan bahawa anda sakit tenat dan tidak dapat berbincang dengan doktor mengenai rawatan anda.

Rancangan penjagaan lanjut ialah proses untuk membantu anda merancang penjagaan perubatan anda supaya jika anda tenat dan tidak dapat membuat keputusan pada masa tersebut, kehendak anda masih boleh dipenuhi oleh pasukan penjagaan kesihatan serta keluarga dan penjaga anda.

Siapakah yang harus mempunyai rancangan penjagaan lanjut?

Seseorang yang berumur 18 ke atas boleh membuat rancangan penjagaan lanjut. Rancangan ini harus dibuat terutamanya oleh mereka yang:

- mempunyai keadaan kesihatan yang kronik atau tidak dapat disembuhkan,
- akan memasuki pusat penjagaan,
- merasakan keluarga mereka mungkin mempunyai pendapat atau kepercayaan yang berbeza daripada diri mereka,
- dalam keadaan yang mungkin akan menyebabkan kehilangan keupayaan untuk membuat keputusan (contohnya demensia)

Apakah kelebihan mempunyai rancangan penjagaan lanjut?

Rancangan penjagaan lanjut membolehkan mereka (terutamanya dalam keadaan yang tidak dapat disembuhkan); keluarga dan penjaga mereka, sebuah peluang untuk mengambil alih tugas membuat keputusan yang berkait dengan penjagaan mereka.

Jika anda tidak dapat memahami atau menyampaikan kehendak anda mengenai rawatan dan penjagaan akhir hayat, mereka akan membuat keputusan tersebut untuk anda.

Jika anda tidak pernah berbincang mengenai rancangan penjagaan lanjut dengan keluarga dan sahabat anda atau tidak memberikan mereka panduan, mereka mungkin tidak tahu kehendak anda.

Perbincangan anda dengan ahli keluarga atau penyediaan rancangan penjagaan lanjut, sedikit sebanyak boleh membantu mengurangkan tekanan kepada ahli keluarga terutamanya apabila mereka perlu membuat keputusan segera, di dalam situasi kecemasan bagi pihak anda.

Perbincangan ini merupakan sesuatu yang berterusan di antara anda, pasukan penjagaan kesihatan dan keluarga/penjaga anda. Ia boleh diubah bila-bila masa sahaja.

Bagaimanakah cara memilih seseorang untuk membuat keputusan bagi pihak saya?

Anda perlu melantik seorang Pembuat Keputusan Gantian untuk membuat keputusan bagi pihak anda. Orang yang dilantik ini haruslah seorang yang dipercayai, seorang yang akan memahami nilai dan kehendak anda pada masa hadapan dan yang akan melaksanakan kehendak anda dengan sebaik yang mungkin.

Bilakah rancangan penjagaan lanjut akan digunakan?

Rancangan penjagaan lanjut ini hanya akan digunakan sekiranya anda tidak dapat membuat keputusan atau berkomunikasi. Ini akan membantu pembuatan keputusan oleh doktor dan pasukan penjagaan kesihatan, Pembuat Keputusan Gantian dan keluarga anda.

Adakah ia eutanasia?

Bukan. Rancangan penjagaan lanjut ialah proses individu berbincang dan membuat keputusan mengenai opsyen penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan masa hadapan. Eutanasia merupakan amalan menamatkan hidup yang salah di sisi undang-undang Malaysia.

Bagaimanakah cara untuk menyediakan rancangan penjagaan lanjut?

1. Pertimbangkan nilai dan kepercayaan yang penting dalam hidup anda.
2. Pertimbangkan kesihatan anda kini, dan kemungkinan terdapat masalah kesihatan pada masa hadapan dan rawatan perubatan yang tidak dapat diterima oleh diri anda.
3. Berbincang dengan ahli keluarga, sahabat, doktor dan mereka yang anda percayai mengenai kehendak anda.
4. Pilih seseorang untuk menjadi Pembuat Keputusan Gantian. Pertimbangkan sama ada anda yakin bahawa orang yang dilantik ini akan membuat keputusan berdasarkan kehendak anda.
5. Catatkan kehendak anda.
6. Berikan salinan kepada ahli keluarga serta doktor dan hospital anda, dan juga kepada sesiapa yang anda rasakan perlu.

Penyediaan rancangan penjagaan lanjut tidak berguna jika tidak ada orang yang mengetahui tentangnya. Jangan simpan di tempat yang 'selamat' dan pastikan anda berikan salinan kepada mereka yang berkenaan.